

21 OCT 1999

Mahkamah-Anwar (Perdana Menteri)

MAHKAMAH PERINTAH PERDANA MENTERI HADIR PADA PERBICARAAN KES LIWAT

KUALA LUMPUR, 21 Okt (Bernama) -- Mahkamah Tinggi hari ini memerintahkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hadir pada Khamis bagi perbicaraan kes liwat membabitkan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk membolehkan pihak pembelaan menemubual beliau sebelum memutuskan sama ada untuk memanggil beliau sebagai saksinya.

Hakim Datuk Arifin Jaka menetapkan 28 Okt bagi Perdana Menteri hadir di mahkamah selepas Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi Rozilah Salleh memberitahu mahkamah bahawa sapina yang dikeluarkan kepada Perdana Menteri pada Isnin tidak menyebut tarikh (bagi beliau hadir di mahkamah).

Hakim Arifin mengeluarkan perintah itu selepas peguam Jagdeep Singh Deo memberitahu mahkamah bahawa walaupun pihak pembelaan berhasrat untuk memanggil Perdana Menteri sebagai saksi, ia masih tidak dapat menembual Dr Mahathir dan bahawa sapina itu belum diserahkan.

Anwar, 52, dan adik angkatnya Sukma Darmawan Sasmitaat Madja, 38, menghadapi tuduhan bersama meliwat Azizan Abu Bakar, 39, bekas pemandu isterinya, di pangsapuri Sukma di Tivoli Villa, Bangsar, di sini pada suatu malam antara Januari dan Mac 1993.

Sukma, ahli perniagaan, menghadapi satu lagi tuduhan bersubahat dengan Anwar untuk meliwat Azizan di tempat dan masa yang sama.

Jagdeep, yang mewakili Sukma, juga memberitahu mahkamah bahawa pihak pembelaan telah menemubual Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah, yang mengetuai pendakwaan dalam kes itu selepas disapina sebagai saksi pihak pembelaan.

Bagaimanapun, pihak pembelaan belum membuat keputusan sama ada untuk memanggil Mohtar memberi keterangan.

Mohtar kemudian memberitahu mahkamah bahawa beliau mungkin memohon untuk mengetepikan sapina yang dikeluarkan kepada beliau dan perdana menteri.

Arifin mengarahkan pihak pembelaan meneruskan kes tetapi seorang daripada peguambela Anwar, S.N. Nair memberitahu mahkamah bahawa pihak pembelaan menghadapi kesulitan untuk mencari diari peribadi kepunyaan bekas setiausaha sulitnya Azmin Ali untuk membantu Anwar memberi keterangan.

Hakim kemudian memberi tempoh kepada pihak pembelaan sehingga pukul 2.15 petang untuk menyelesaikan masalah itu sebelum meneruskan sidang.

Isnin lepas, mahkamah memerintahkan Anwar dan Sukma membela diri selepas pihak pendakwaan dapat membuktikan kes prima facie tanpa keraguan yang munasabah.

Ketika membentangkan kesnya, pihak pendakwaan telah memanggil sebanyak sembilan saksi pada perbicaraan yang meliputi 61 hari.

Pada sesi tengah hari, peguam Karpal Singh memberitahu mahkamah bahawa pihak pembelaan akan memanggil Dr Mahathir kerana beliau saksi utama dalam perbicaraan kes liwat selepas Ummi Hafilda Ali, wanita yang menulis surat kepada beliau yang mengandungi dakwaan mengenai salahlakun seks Anwar.

Beliau berkata bahawa Azizan dalam keterangannya telah memberitahu mahkamah bahawa beliau telah memberitahu Perdana Menteri mengenai dakwaannya terhadap Anwar.

Karpal berkata Dr Mahathir, bersama Menteri Kewangan Pertama Tun Daim Zainuddin, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob, Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri Datuk Aziz Shamsuddin dan bekas Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Rahim

Noor, akan menjadi saksi pembelaan.

Menurut Karpal, keterangan mereka akan menguatkan dakwaan pihak pembelaan tentang wujudnya konspirasi untuk menjatuhkan Anwar.

Karpal Singh berkata pihak pembelaan menghadapi masalah selepas percubaannya supaya polis menyiasat notis alibinya dihalang oleh pihak pendakwaan.

Beliau berkata Mohtar melarang pegawai penyiasat SAC I Musa Hassan daripada menjalankan siasatan lanjut terhadap perkara itu walaupun pegawai polis berkenaan sedia berbuat demikian.

Karpal Singh juga berkata pihak pendakwaan telah menggunakan notis alibinya berhubung dengan kewujudan Tivoli Villa sebagai "senjata" untuk meminda buat kali kedua tarikh dalam pertuduhan terhadap Anwar dan Sukma, daripada Mei 1994 kepada antara Januari dan Mac 1993.

"Jadi, pihak pembelaan menghadapi handikap sambil berkata pihak pembelaan tidak diberi peluang untuk mengetahui apa yang ada pada pihak pendakwaan berhubung dengan pergerakan Anwar walaupun Mohtar memberitahu mahkamah bahawa ia mempunyai rekod tentang pergerakan itu sehingga 1998.

Karpal kemudian memohon kepada mahkamah untuk memanggil semula Musa untuk mempermudah siasatan tentang notis alibi.

Mohtar yang membantah berkata pihak pembelaan harus terus mendengar keterangan oleh tertuduh pertama, Anwar, diikuti oleh Sukma sebelum memanggil saksi-saksi lain.

Dalam permohonannya, Karpal Singh berkata tujuan memanggil semula Musa ialah disebabkan masalah dan handikap yang dihadapi oleh pihak pembelaan dan berdasarkan kesediaan Musa untuk menyiasat (notis alibi) semasa kes pendakwaan.

Peguam berkata Anwar dan Sukma hanya boleh memberi keterangan selepas Musa telah memberi keterangan berikutan siasatan terhadap alibi.

Mohtar dalam jawapannya berkata perkara itu telahpun selesai berikutan keputusan hakim bahawa tidak perlu bagi Musa menjalankan siasatan tentang alibi semasa kes pendakwaan.

Arifin akan membuat keputusan mengenai perkara itu esok.

Sementara itu, Gobind berkata pihak pembelaan akan membuktikan bahawa Sukma bukan penjenayah seperti yang pendakwaan mahu masyarakat umum percaya dan akan memanggil Perdana Menteri untuk membuktikan bahawa Aduan Azizan kepada perdana menteri tidak membabitkan Sukma.

Beliau berkata pihaknya juga akan mengemukakan keterangan perubatan untuk menunjukkan bahawa Sukma tidak pernah diliwat dan bahawa pengakuan itu tidak boleh dipercayai kerana ia dibuat bukan secara sukerela.

-- BERNAMA

NHD SBB FAZ